



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI



**Universiti
Putra
Malaysia**



MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI KALI KE-51

AGENDA 11 (a):

MAKLUM BALAS CADANGAN PERLUASAN SKOP ISMS UPM

29 JULAI 2021

| MENERUSI APLIKASI ZOOM MEETING



UniPutraMalaysia



@uputramalaysia



uniputramalaysia



universitiputramalaysia

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN
BERILMU BERBAKTI |
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

SKOP PENSIJILAN SEDIA ADA

1) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi **Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswa Merangkumi Aktiviti Semakan Tawaran hingga Pendaftaran Kolej Kediaman**

2) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi **Proses Penilaian Pengajaran Prasiswa di Fakulti**



PENGECUALIAN SKOP PENSIJILAN SEDIA ADA

Pendaftaran kursus, ***Meal Plan*** dan aktiviti kemasukan pendaftaran pelajar baharu prasiswa untuk:

- i. Pengajian Jarak Jauh;
- ii. Program untuk Eksekutif; dan
- iii. Antarabangsa.

Makluman:

Meal Plan telah digugurkan daripada pengecualian skop ISMS berkuatkuasa 16 Julai 2021 atas justifikasi aktiviti ini tidak lagi terlibat semasa Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswa UPM.

CADANGAN AWAL PERLUASAN SKOP PENSIJILAN ISMS

PETIKAN MINIT MESUARAT JAWATANKUASA KUALITI KALI KE-50 PADA 18 FEBRUARI 2021



50.10.1 Cadangan Perluasan Skop Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)

- (b) Mesyuarat pada dasarnya bersetuju dengan cadangan perluasan skop Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah dan penambahan entiti baharu Sekolah Pengajian Siswazah dalam skop pensijilan ISMS untuk dilaksanakan pada tahun 2022.
- (c) Mesyuarat turut mengambil maklum mengenai cadangan supaya Proses Pendaftaran Kursus Pelajar Prasiswazah dimasukkan dalam skop pensijilan, namun ianya memerlukan penelitian khusus bersama peneraju proses terlebih dahulu bagi tujuan semakan kesediaan sistem/proses yang terlibat.



SIRI PERBINCANGAN DENGAN PENERAJU TERLIBAT



PERKTANIAN • INOVASI • KELUIDUAN

BERIJAU BERBAKTI

UniPutraMalaysia

@uputramalaysia

uniputramalaysia

universitiputramalaysia

KEPUTUSAN HASIL PERBINCANGAN DENGAN PENERAJU

Cadangan supaya skop ISMS sediaada diperluaskan kepada **pelajar siswazah** sepermulaan berikut:

- 1) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi **Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Sepenuh Masa Prasiswa dan Siswazah**

- 2) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi **Proses Penilaian Pengajaran Prasiswa dan Siswazah**

Bagaimanapun, hasil **perbincangan semula antara pihak CADe, SPS dan iDEC pada 14 Julai 2021**, cadangan perluasan skop Proses Penilaian Pengajaran Siswazah dilihat belum bersedia untuk perluasan skop tahun 2022 atas justifikasi dua (2) penambahbaikan berikut perlu dilaksana terlebih dahulu, iaitu:

- 1) **Naik taraf Sistem iGIMS;** dimana pada masa kini Sistem iGIMS hanya boleh merekodkan **maksimum tiga (3) nama pengajar bagi setiap kursus.** Bagaimanapun terdapat kursus siswazah yang diajar secara bersama oleh lebih dari tiga (3) orang pensyarah terutamanya bagi pengajaran klinikal. Oleh itu, CADe **memasukkan data pengajar bersama (yang tidak diinput dalam Sistem iGIMS) secara manual** dalam Sistem Penilaian Pengajaran (*Teaching Assessment, TA*), bagi membolehkan TA kursus/pensyarah dilaksanakan. Perkara ini menyebabkan **percanggahan data pengajar antara sistem sumber data (iGIMS) dan Sistem TA.** Justeru, naik taraf Sistem iGIMS perlu dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan input bilangan pengajar sesebuah kursus.

- 2) **Memperkemaskan pengurusan proses penentuan pengajar kursus siswazah di fakulti/sekolah dan pendaftaran kursus di dalam Sistem iGIMS.**



Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti diminta mengambil makluman berhubung:

1. Cadangan perluasan skop pensijilan ISMS UPM bagi **Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Sepenuh Masa Siswazah** untuk dilaksana pada tahun 2022; dan
2. **Skop Penilaian Pengajaran Siswazah** akan dimasukkan sebagai perluasan skop ISMS fasa berikutnya berdasarkan kesediaan sistem yang terlibat.





Terima Kasih

[f UniPutraMalaysia](#) [@uputramalaysia](#) [uniputramalaysia](#) [universitiputramalaysia](#)

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN
BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE